



KOPERASI TABUNG HAJI BERHAD

SKIM FESTIVE LOAN JANGKA MASA PENDEK

A. PENGENALAN

Skim festive loan tertakluk di bawah Aturan 6.2, Aktiviti Jimat Cermat dan Pinjaman Wang Koperasi Tabung Haji Berhad (**KTHB**).

B. TUJUAN

Pinjaman ini adalah memberi kemudahan kepada anggota "Sempena Musim Perayaan" dalam jangka masa pendek.

C. SYARAT-SYARAT PEMOHON

Syarat-syarat kelayakan untuk menyertai skim ini adalah seperti berikut:

1. Menjadi anggota **KTHB**. Bagi anggota masuk semula, keanggotaan mestilah genap 18 bulan.
 - * Walau bagaimanapun, bagi anggota yang baru mendaftar dan ingin terus membuat pinjaman dikehendaki membuat bayaran sebanyak (RM 500.00 = Syer dan RM 30.00 = Fi masuk)
2. Memiliki syer tidak kurang daripada RM500.00.
3. Mempunyai dua (2) orang penjamin bagi pemohon yang berkhidmat dengan Anak Syarikat TH dan Syarikat Bersekutu TH. Pemohon yang berkhidmat di Lembaga Tabung Haji tidak perlu penjamin.
4. Anggota bertaraf jawatan kontrak adalah tertakluk di bawah tambahan syarat berikut:
 - Sekurang-nya telah berkhidmat selama 6 bulan dan keatas.
 - Mempunyai dua (2) orang penjamin.

D. SYARAT-SYARAT PENJAMIN

1. Penjamin-penjamin mestilah terdiri daripada anggota Lembaga Tabung Haji atau Anak Syarikat TH atau Syarikat Bersekutu TH.
2. Tiap-tiap seorang Anggota hanya boleh menjamin tidak lebih daripada 4 orang peminjam pada satu-satu masa.
3. Kedua-dua penjamin mestilah bertaraf jawatan tetap.

E. CARA MEMOHON

1. Mengisi dengan lengkap borang Festive Loan [**KTHB (W) 1**].
2. Menyertakan satu salinan kad pengenalan dan penyata gaji terkini yang telah disahkan bagi pemohon dan penjamin.

F. BUTIRAN PINJAMAN

- Mengikut gaji pokok sebulan (Tertakluk kepada kelulusan **UNIT GAJI**)
- Kadar keuntungan yang dikenakan ialah 3 %
- Tempoh bayaran balik adalah 12 bulan.
- Peminjam dikehendaki melampirkan No. akaun **Bank (kecuali Tabung haji)** kerana pembayaran pinjaman akan terus dibuat ke dalam akaun bank peminjam.
- Peminjam perlu mengambil Pelan Takaful Keluarga Berkelompok Kredit daripada Syarikat Takaful Malaysia dan jumlah sumbangan akan ditolak daripada jumlah pinjaman yang diluluskan.
- Segala kos berkaitan pinjaman ini seperti perkhidmatan pos dan lain-lain adalah di bawah tanggungan peminjam dan akan ditolak daripada jumlah pinjaman yang diluluskan.
- Peminjam hendaklah membenarkan majikannya membuat apa-apa bayaran keterberhutangan dengan **KTHB** melalui apa-apa faedah kewangan seperti bonus tahunan, bayaran tertunggak, semakan gaji, faedah persaraan dan lain-lain insentif.

G. PENUTUP

Dengan wujudnya skim festive loan ini, adalah diharapkan agar anggota-anggota **KTHB** akan dapat menikmati kemudahan yang disediakan. Walaubagaimanapun, syarat-syarat dan peraturan di atas tertakluk kepada pindaan yang diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah **KTHB** dari masa ke semasa.

• **Cara Kiraan Bayaran Pinjaman:**

CONTOH GAJI POKOK RM 2000.00

$$= \frac{*(RM2000.00 \times 3\% \times 1 \text{ tahun}) + rm 2000.00}{12 \text{ bulan}}$$

SEBULAN = RM 171.66